

01 OCT 1996

MODENAS SEDIA MENEMPA KEJAYAAN

Oleh: Mohd Arshi Mohd Daud

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas), pembuat motosikal kebangsaan, mempunyai ramuan yang tepat untuk menjadi satu usaha yang berjaya, kata penganalisis.

Jika rancangan Modenas disamakan dengan Proton, maka ia dengan tepat memasuki pasaran motosikal berkuasa 110 cc, kata seorang penganalisis.

"Dalam hal Proton, ia bermula dengan pasaran yang mampu dibeli, iaitu terdiri daripada enjin keupayaan 1.3 liter dan 1.5 liter manakala bagi motosikal pula, enjin 110 cc adalah segmen yang termampu dibeli di Malaysia," katanya.

"Enjin 110 cc adalah tahap yang terbaik diterokai untuk mengaut pulangan segera," kata seorang penganalisis yang lain pula.

Syarikat itu mengunjurkan mencapai titik pulangan dalam tahun pertama ia beroperasi mulai bulan ini dengan pengeluaran kira-kira 100,000 hingga 150,000 unit model empat lejang.

Adalah dilaporkan bahawa syarikat itu mensasarkan pulangan sebanyak RM400 juta dalam tahun pertama beroperasi dan apabila pengeluaran mencapai tiga kali ganda menjelang 1998, pulangannya pula dijangka mencecah RM1.2 bilion.

Modenas, usaha sama antara Diversified Resources Bhd (DRB) (memegang kepentingan 55 peratus), Khazanah Nasional Bhd (15 peratus) Kawasaki Heavy Industries Ltd dari Jepun (19 peratus) dan Nissho-Iwai Corporation (11 peratus), telah menjalankan pengeluaran perintis pada Jun lalu.

Sebanyak RM300 juta telah dilaburkan dalam kilang Modenas di kawasan perindustrian berat Gurun, dekat Alor Setar.

Motosikal berharga kira-kira RM4,000 dijangka menarik perhatian mereka yang berpendapatan kira-kira RM700 sebulan, kata penganalisis itu.

Dengan harga pada tahap paling rendah di kalangan varian 110 cc, Modenas berhasrat menawan separuh daripada pembahagian pasaran motosikal berenjin 110 cc.

Didakwa setanding dengan model-model lain yang diimport, penganalisis menyatakan motosikal Modenas berkeadaan baik untuk bersaing dengan motosikal buatan Jepun yang lain seperti Honda, Yamaha dan Suzuki.

Program menggunakan kandungan tempatan Modenas juga dijangka berjalan lancar berbanding dengan pembuat kereta kebangsaan Proton dan Perodua.

Seorang penganalisis berkata ia mungkin disebabkan oleh kandungan yang lebih sedikit digunakan bagi motosikal.

Pada peringkat awal pengeluaran motosikal itu, 60 peratus daripada kandungannya diperolehi di dalam negeri. Syarikat itu mensasarkan 100 peratus kandungan tempatan dalam tahun ketiga pengeluarannya.

Motosikal yang belum lagi diberi nama, akan dilancarkan oleh perdana menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis ini di Gurun. -- BERNAMA

AD MA/sia